

Wanita perlu prihatin usaha pengurusan air

Tugas rumah tanpa disedari menyebabkan banyak berlaku pembaziran

Oleh Misiah Taib

SELAIN sektor industri dan pertanian yang banyak menggunakan air, bagi isi rumah, golongan wanita khususnya suri rumah adalah yang paling banyak menggunakan keperluan asas itu.

Ini kerana rutin harian wanita, baik yang bekerja atau suri rumah sepenuh masa, ialah memasak, membasuh, membersihkan rumah, menyiram pokok bunga, malah hampir kesemua kerja rumah yang mereka lakukan kebanyakannya menggunakan air.

Menyedari hakikat ini, Persatuan Perikatan Air Malaysia (MyWP) mula mengubah pendekatan dengan menjadikan wanita sebagai sasaran utama kempen mereka menerusi 'Seminar Peranan Wanita Dalam Pengurusan Air Bersepadu'.

Selepas sambutan menggalakkan dalam kempen pertama di Kedah 17 Jun lalu, MyWP yang dianggotai pakar, pengusaha dan penggiat industri berkenaan, kini memutuskan akan pergi ke setiap negeri.

Naib Pengerusi Perkongsian Air Global (GWP) Asia Tenggara yang juga Pengerusi Jawatankuasa Kerja Gender dan Kemasyarakatan MyWP, Hasnah Salam, berkata langkah berkenaan adalah pendekatan terkini MyWP sebagai badan penaung bagi pertubuhan bukan kerajaan (NGO) yang terbabit dalam pengurusan sumber air bersepadu.

Katanya, jika pengguna di negara ini ingin mendapatkan bekalan air lebih bersih tanpa sebarang gangguan dan



“Pengguna pada hari ini, terlalu memandang remeh terhadap bekalan air, tanpa menyedari bahawa air adalah sumber alam yang semakin berkurangan dan perlu dipulihara bagi memenuhi keperluan hidup”

Hasnah Salam
Naib Pengerusi Perkongsian Air Global (GWP) Asia Tenggara

mencukupi bagi memenuhi keperluan masa akan datang, mereka perlu dididik supaya membayar 'harga' yang lebih realistik bagi bekalan air yang mereka gunakan.

"Justeru MyWP terpenggil untuk mengadakan seminar Peranan Wanita Dalam Pengurusan Air Bersepadu. Fokus kita ialah wanita sebagai golongan yang paling banyak menggunakan air. Kita mahu pengurusan bersepadu air bermula di rumah dengan golongan wanita sebagai penggerak utama ke arah itu.

"Seminar ini adalah satu pendedahan kepada peserta mengenai cara pengurusan terkini dalam bidang sumber air di samping menjadi pemangkin dalam mencetuskan idea baru yang mungkin menjadi penyelesaian kepada beberapa masalah utama berkaitan pengurusan

sumber air," katanya ketika ditemui di pejabatnya di Melaka, baru-baru ini.

MyWP dianggotai agensi kerajaan, universiti, badan swasta, NGO dan ahli perseorangan, dengan peranan utama untuk mewujudkan kesedaran di kalangan orang awam dan pengguna air di pelbagai sektor terhadap kepentingan pengurusan air bersepadu dan menyeluruh.

GWP yang ditubuhkan di Stockholm, Sweden pada 1996 pula adalah perikatan air sedunia bertujuan untuk membantu negara merealisasikan prinsip berkaitan sumber air dan alam sekitar sebagaimana dipersetujui di forum antarabangsa khususnya Dublin Principles (1992) dan Rio Declaration on Environment and Development (3-14 Jun 1992).

Dengan curahan hujan tahunan



KAWAL: Wanita boleh bantu elakkan penggunaan bekalan air berlebihan.

purata 2500 milimeter (mm) setahun, Malaysia sememangnya negara yang kaya dengan sumber air dan soal bekalan bukanlah satu permasalahan.

Bagaimanapun, harus diingat penggunaan air terus meningkat setiap tahun ekoran penduduk yang semakin bertambah, selain tuntutan kepesatan pembangunan yang berlaku, sedang pada masa sama sumber dan punca air pula kian berkurangan serta kualiti air mentah menjadi semakin tercemar, sehingga memerlukan kos tinggi untuk dirawat.

Sehubungan itu penting untuk masyarakat mengambil kira punca masalah iaitu kelemahan dari segi pengurusan sumber air yang membawa kepada pembaziran dan pencemaran.

Sebelum ini program MyWP yang ditubuhkan pada 28 Mac 1998 lebih

menjadikan sektor industri selain kalangan pakar, jabatan dan agensi kerajaan serta swasta selain pemimpin masyarakat sebagai sasaran.

Aktiviti sebelumnya lebih kepada membuka medan kepada mereka yang berkepentingan dan profesional dalam sektor air bagi membincangkan pelbagai isu berkaitan air serta meningkatkan kualiti pengurusan sungai dan takungan supaya kawasan itu sentiasa dikekalkan sebagai kawasan simpanan air yang menjadi keperluan semua benda hidup.

Setakat ini kos untuk mengadakan bekalan air sebahagian besarnya ditanggung kerajaan. Ini termasuk kos modal bagi mendapatkan air dan melindungi kawasan tadahan daripada pencemaran; kos kehilangan peluang bagi kawasan tadahan dan saluran masuk (kerana

pembangunan lain tidak boleh dilaksanakan di kawasan terbabit): kos modal bagi membina struktur saluran masuk, loji-rawatan dan rangkaian pengedaran; kos operasi bagi loji rawatan serta kos penyenggaraan. Tarif air di Malaysia dilaporkan tidak meliputi semua kos itu.

Sudahlah sebahagian besar kos untuk menghasilkan air ditanggung kerajaan, bayaran yang dikenakan untuk bekalan air di Malaysia juga adalah antara yang terendah di kalangan negara membangun.

Justeru kempen menjadikan golongan hawa sebagai sasaran kempen, selain terus meningkatkan kesedaran di kalangan pihak industri, diharap akan dapat membantu menjayakan matlamat ke arah pengurusan air bersepadu di negara ini.